

# Kerjasama ulama, pemerintah perlu kembalikan kegemilangan

UM 13 JUL 2003

PUTRAJAYA 12 Julai — Ulama Mesir, Dr. Abdul Halim Uwais berkata, ulama dan pemerintah perlu saling bekerjasama erat jika mahu mengembalikan zaman kegemilangan Islam.

Katanya, umat Islam perlu mengambil pengajaran daripada kejatuhan empayar Islam yang berkait rapat dengan perpecahan dan perbalahan di antara pemimpin dan ulama.

Menurutnya, masyarakat Islam perlu merenung dan meneliti pemerintahan di zaman kegemilangan Islam yang berasaskan kerjasama erat di antara golongan negarawan dan ilmuan.

“Pemimpin, dan ulama umpama akal dan hati bagi Islam, tanpa hubungan yang baik di antara akal dan hati, jasad Islam tidak mungkin memiliki kekuatan untuk bergerak,” tambah beliau.

Abdul Halim berkata demikian ketika membentangkan kertas kerja bertajuk Hubungan Pemerintah Dengan Ulama Ke Arah Perkembangan Peradaban dan Merealisasikan Kemenangan.

Kertas kerja berkenaan dibentangkan pada hari terakhir Multaqa Ulama Sedunia yang diadakan di Hotel J. W. Marriot di sini hari ini.

Abdul Halim turut bersetuju dengan saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang penguasaan ilmu khususnya sains dan teknologi mampu menjadi kunci kejayaan umat Islam pada era globalisasi.

pandangan para ulama dan mereka sering bermesyuarat dalam pelbagai perkara. Ulama boleh menasihati sultan apabila baginda tersilap membuat keputusan dan dalam menyelesaikan banyak perkara berhubung kepentingan negara dan rakyat jelata seperti pengurusan zakat dan sebagainya,” katanya lagi.

Kata beliau, satu lagi contoh pakatan di antara ulama dan pemerintah yang membuahkan kejayaan gemilang ialah kejayaan kerajaan Maghribi yang berjaya menjadikan Islam tersebar luas di seluruh benua Afrika.

Menurut Abdul Halim, selain mencontohi kejayaan kerajaan Islam dulu, umat Islam di zaman globalisasi juga perlu melihat aspek-aspek negatif yang menyumbang kepada kemusnahan tamadun Islam tersebut.

Dalam hal ini, umat Islam perlu berhati-hati kerana musuh-musuh Islam sentiasa berusaha untuk menyeleweng fakta-fakta berkaitan umat Islam untuk mengelirukan dan memecahbelahkan masyarakat Islam, katanya.

“Semua ini boleh dilakukan kerana sebahagian besar daripada media di Barat dimonopoli oleh Yahudi,” tambah beliau.

Oleh itu, media-media di negara Islam perlu memainkan peranan penting di dalam menyiarkan fakta yang tepat berkaitan umat Islam dan sejarah kerajaan Islam di zaman lampau, katanya.

Sebagai contoh, tambah beliau, kerajaan Islam pada zaman dulu juga adalah berasaskan ilmu pengetahuan dan pendidikan.

“Semasa pemerintahan kerajaan Abbasiyah pertumbuhan institusi pengajian agama seperti pusat kajian ilmu fikah, hadis, tafsir, kesusasteraan Arab merupakan tunggak pembangunan kota Baghdad, katanya lagi.

Abdul Halim turut memuatkan contoh-contoh perhubungan di antara ulama dan pemerintah dalam kerajaan Uthmaniah sehingga dicemburui oleh Eropah dan pejuang Salibiyah.

“Pemerintah pada zaman ini mendengar segala cadangan dan